

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: MINGGUAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 15 APRIL 2018

MUKA SURAT: 12



NOH OMAR bersama **Abdul Azeez Abdul Rahim** bergambar bersama orang ramai dalam Program Perumahan Rakyat Baling di Kampung Caruk Sikin, Baling, Kedah, semalam. - BERNAMA

Lebih banyak rumah PPR di Baling – Abdul Azeez

BALING 14 April - Barisan Nasional (BN) merancang untuk membina sebanyak 2,500 unit rumah lagi melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) di daerah ini sekiranya parti terus mendapat mandat pada Pilihan Raya Umum Ke-14.

Ketua UMNO Bahagian Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul

Rahim berkata, projek perumahan itu adalah untuk memberi peluang kepada rakyat di daerah ini yang masih tidak memiliki sendiri.

“Saya amat memahami masalah rakyat terutamanya golongan pertengahan yang kebanyakannya tidak berpeluang memiliki rumah

sendiri dan terpaksa menyewa di merata tempat.

“Inilah salah satu yang sedang dilakukan dan diperjuangkan oleh kerajaan untuk membantu rakyatnya supaya mereka memiliki rumah yang lebih selesa dan sesuai didiami satu keluarga,” kata Abdul Azeez.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis Pelancaran Program Perumahan Rakyat Baling yang disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar di Kampung Charuk Shikin, Kupang di sini hari ini.